

5 JAN 1996

Mahathir - Orkestra

DR MAHATHIR HADIR KONSERT ORKESTRA

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri Konsert Gala yang dipersembahkan oleh Orkestra Simfoni Liepaja dari Latvia.

Persembahan selama dua setengah jam itu yang bertemakan "Baltic Breezes Over Malaysia" dikendalikan oleh pemimpin muzik Imants Resnis.

Pemain piano dari Malaysia, Ong Khai Weyn, 17, mengadakan tiga konserto dengan diiringi orkestra dalam persembahan gala malam ini.

Konsert itu yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini merupakan kemuncak lawatan ke Malaysia di bawah naungan Dr Siti Hasmah dan ditaja oleh beberapa syarikat tempatan dengan Penerbangan Malaysia sebagai penaja utama.

Seorang jurucakap penganjur berkata orkestra terdiri daripada 40 anggota diiktiraf antara orkestra terbaik dari negara Baltik.

Ia mengadakan lebih 60 persembahan setahun di dewan-dewan konsert di Liepaja, Riga dan bandaraya-bandaraya Latvia yang lain.

Beliau berkata hasil kutipan RM1.5 juta yang dipungut malam ini akan didermakan kepada badan-badan amal di Malaysia dan Latvia.

Kira-kira 300 orang termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hadir pada konsert itu. -- BERNAMA